

AMAR UMS anjur Program Perkasia Integriti Mahasiswa

UB 3.1.2018 B2

KOTA KINABALU: Program Memperkasia Integriti Mahasiswa anjuran Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah Universiti Malaysia Sabah (AMAR UMS) yang melibatkan siswa/siswi Universiti Malaysia Sabah dan terbuka kepada orang awam.

Program ini adalah satu inisiatif Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah UMS bagi meningkatkan dan memperkukuhkan nilai integriti dalam kalangan mahasiswa UMS.

Program ini dijalankan pada 1 Disember 2018 bertempat di Dewan Kuliah Pusat ke-10 (DKP Baru) yang bermula seawal jam 7.00 petang dan berakhir pada 10.00 malam. Seramai 163 orang siswa/siswi yang hadir.

Objektif utama program ini adalah untuk menerangkan nilai integriti yang sangat penting dalam kalangan siswa siswi i UMS.

Selain itu, meningkatkan nilai integriti bagi mewujudkan mahasiswa/i yang jujur, beretika, memiliki nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang kukuh.



SESI Perasmian penjenamaan nama baharu Sekretariat Pencegahan Rasuah Malaysia UMS (SPRUMS) kepada Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah UMS (AMARUMS).

Seterusnya, memberi pendedahan pentingnya mempraktikkan nilai integriti dalam diri siswa siswi yang adalah barisan pemimpin Negara pada masa hadapan dan menjadi contoh terdekat kepada masyarakat.

Forum ini dihiasi oleh panel-panel jemputan daripada Pensyarah UMS iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Noor Mat Yazid, Dr. Syahrudin Awg. Ahmad dan Presiden Majlis

Perwakilan Pelajarsesi 2018/2019 Saudara Mohd. Jivean Johan Wira.

Forum ini juga diselitkan dengan perasmian penjenamaan nama baharu Sekretariat Pencegahan Rasuah Malaysia UMS (SPRUMS) kepada nama baru iaitu Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah UMS (AMARUMS).

Acara itu dirasmikan oleh Ketua Pegawai Pendidikan dan Masyarakat SPRM

Sabah, Puan Aini Awang Muda.

Dengan penganjuran program Memperkasia Integriti Mahasiswa, Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah Universiti Malaysia Sabah berharap agar program-program seperti ini dapat dianjurkan lagi pada masa akan datang dan melibatkan lebih banyak sambutan daripada para pelajar dan mahasiswa sebagai sasaran utama.

Hal ini untuk menyedarkan golongan mahasiswa agar menyuntik semangat integriti bukan sahaja di dalam malah di luar kampus. Sifat integriti juga mampu mengelakkan kita daripada mengambil sebarang rasuah.

Hal ini juga untuk menyedarkan semua pelajar dan mahasiswa mengenai kepentingan pencegahan rasuah serta bahayanya rasuah dalam kehidupan seharian dan dapat bersama-sama membanteras gejala rasuah supaya dapat melahirkan mahasiswa yang berintegriti selaras dengan tema program ini iaitu 'Mahasiswa Berintegriti, Hidup Berpolis'.



BARISAN panel Memperkasia Integriti Mahasiswa dan Moderator.



ANTARA sebilangan hadirin yang menghadiri Memperkasia Integriti Mahasiswa.